



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI D.S.I.S.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 1/2023**

31 JANUARI 2023 | SELASA

10.00 PAGI | BILIK SIANTAN

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri

Pemangku Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' (Dr) Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Majlis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan,

Pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis MPS **Bil.1/2023** bagi bulan **Januari** pada pagi yang berbahagia ini.

1. UCAPAN SEMPENA TAHUN BAHARU 2023

- 1.1 Alhamdulillah kita masih dikurniakan umur yang panjang dan kesihatan yang sejahtera untuk melangkah ke tahun baharu ini. Pada saban tahun, kita menyambut tahun baharu dengan menilai semula kejayaan yang telah dicapai mahupun rintangan yang dilalui sepanjang tahun 2022.
- 1.2 Bagi tahun baharu 2023, keutamaan MPS adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan perbandaran adalah berterusan dan terbaik kepada masyarakat di seluruh pentadbiran Selayang.
- 1.3 Selain itu juga, saya percaya warga kerja MPS serta tuan-tuan dan puan-puan semua telah pun bertungkus lumus dalam melaksanakan semua perancangan dan program yang telah direncanakan sepanjang tahun 2022. Jadi, saya berharap pada tahun 2023 ini kita semua dapat terus melipat gandakan usaha dan meningkatkan perkhidmatan masing-masing demi nama baik dan imej MPS.

2. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

- 2.1 Untuk makluman, sehingga 30 Disember 2022, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa Tahun 2022 sebanyak RM110.09 juta (103.56%) daripada RM106.30 juta.
- 2.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM7 juta (87.50%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM8 juta.

3. WARAN TAHANAN / SITAAN HARTA ALIH

- 3.1 MPS telah mengeluarkan waran tahanan dengan caj tahanan sebanyak RM100.00 kepada pemilik premis yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas. Mulai 1 Oktober 2022 sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 19,910 waran telah diproses dan 16,731 waran telah dihantar. Pemilik dikehendaki membuat bayaran dalam tempoh 7 hari setelah waran dilaksanakan bagi mengelakkan tindakan sitaan harta alih diambil.
- 3.2 Orang ramai diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan

sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing.

4. BIL CUKAI TAKSIRAN PENGGAL 1/2023

- 4.1 Selain itu, MPS telah mengeluarkan Bil Cukai Taksiran bagi penggal 1/2023 pada 15 Disember 2022 yang lalu. Cenderahati berupa payung golf turut dihadiahkan kepada pembayar cukai terawal yang telah membayar bagi tempoh setahun untuk tahun 2023 yang mempunyai cukai semasa berjumlah RM200.00 dan ke atas.
- 4.2 Semakan dan bayaran boleh dilakukan di <https://mymps.mps.gov.my>.

5. PENGHARGAAN KEPADA URUS SETIA PROGRAM KEBUN KOMUNITI MPS @ GARDEN 8

- 5.1 Alhamdulillah, pada hari Ahad yang lepas, Program Kebun Komuniti MPS @ Garden 8 telah diadakan dengan jayanya. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada barisan urus setia iaitu Jabatan Landskap dan Jabatan Korporat yang telah bertungkus-lumus untuk menjayakan program tersebut.

- 5.2 Tidak dilupakan juga kepada pihak Garden 8 yang telah memberikan kerjasama yang jitu dalam menjayakan program ini. Tahniah juga diucapkan kepada zon-zon yang telah memenangi pertandingan ‘Edible Garden’ bersempena dengan program Kebun Komuniti ini.
- 5.3 Komitmen anda semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk menaikkan lagi nama MPS adalah amat bernilai dan saya berharap ia dapat dikekalkan untuk program-program yang akan datang.

6. ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG 2023 (APPC 2023)

- 6.1 Pasukan panel penilai dari SUK Selangor akan hadir mengaudit MPS pada 13 Februari 2023 bagi Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC 2023). Ia dilaksanakan dengan berpandukan kepada tujuan untuk mengukur tahap kecemerlangan perkhidmatan organisasi dan memperkasa peranan serta akauntabiliti dalam sesebuah organisasi.
- 6.2 Saya menyeru ketua-ketua jabatan supaya mengambil perhatian dalam memberikan sepenuh komitmen dan

fokus dalam penyediaan segala dokumentasi yang berkaitan dan mengekalkan prestasi cemerlang APPC pada tahun ini.

7. ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2022 (APC 2022)

- 7.1 Bagi menghargai komitmen dan sumbangan kakitangan, MPS akan mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2022. Insya Allah, majlis ini akan diadakan pada 17 Februari 2023 bertempat di Templer's Ballroom, Setia Eco Templer, Rawang.
- 7.2 Sekalung ucapan tahniah saya zahirkan kepada semua penerima anugerah dan semoga lebih sukses dalam menjalankan tugas pada masa-masa akan datang.

8. PEMBENTANGAN ZON JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) DAN SENARAI AHLI JAWATANKUASA UTAMA MPS BAGI PENGGAL 2023

- 8.1 Seperti semua sedia maklum, pada 3 Januari yang lalu, seramai 22 orang Ahli Majlis telah dilantik. 11 Ahli Majlis adalah terdiri daripada PKR, 6 Ahli Majlis terdiri

dari pada DAP dan 4 orang Ahli Majlis terdiri dari pada AMANAH. Untuk makluman juga, 2 Ahli Majlis adalah lantikan baharu, 20 Ahli Majlis adalah yang telah dilantik semula bagi penggal 2023 dan 2 Ahli Majlis masih belum dilantik setakat hari ini.

- 8.2 Dengan ini, saya bentangkan zon JKP dan Ahli Jawatankuasa Mesyuarat berdasarkan 12 jawatankuasa berkuatkuasa mulai 3 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023.

(PEMBENTANGAN SLIDE)

- 8.3 Bagi Jawatankuasa Pihak Berkuasa Melantik dan Lembaga Tatatertib ia dimaklumkan kepada Ketua WHIP dan beliau dipertanggungjawabkan untuk mencadangkan nama Ahli Majlis yang akan hadir mesyuarat tersebut. Jadi saya berharap agar semua Ahli Majlis di setiap zon masing-masing dapat menjalankan khidmat bakti dan menyantuni masyarakat di kawasan yang telah diamanahkan serta melaksanakan tanggungjawab walau di mana kawasan yang telah ditetapkan oleh pihak MPS. Sikap toleransi dan saling bekerjasama amat penting demi menjaga nama baik MPS di mata masyarakat.

9. PELANTIKAN SEBAGAI AHLI MAJLIS ZON ANGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

9.1 Untuk makluman semua, berkuatkuasa Januari 2023, Tuan Anuar bin Jasmin, Ahli Majlis Zon 4 telah dilantik sebagai Ahli Majlis Zon Angkat bagi kawasan Zon 1 manakala Tuan Deveandran A/L Selvaraju , Ahli Majlis Zon 7 telah dilantik sebagai Ahli Majlis Zon Angkat bagi kawasan Zon 6. Pelantikan ini berkuatkuasa sehingga pelantikan Ahli Majlis yang baharu dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor.

10. PERASMIAN PEMBUKAAN JALAN BAHARU RAINTREE DAN MAJLIS PECAH TANAH PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE) SELAYANG

10.1 Untuk makluman, MPS akan mengadakan Perasmian Pembukaan Jalan Baharu Raintree dan Majlis Pecah Tanah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Selayang pada 4 Februari 2023 bertempat di Jalan Laksamana 2, Taman Gombak Permai.

10.2 Harapan saya semoga dengan pelaksanaan projek ini, ia akan memberi peluang kepada masyarakat sekitar

khususnya golongan warga emas bagi mendapatkan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.

11. UCAPAN SELAMAT MENYAMBUT HARI THAIPUSAM

11.1 Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Thaipusam buat seluruh warga MPS beragama Hindu yang meraikannya. Semoga sambutan Thaipusam tahun ini akan terus memupuk semangat perpaduan sesama rakyat berbilang kaum dan agama serta mengekalkan keharmonian dan kemakmuran Malaysia.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, terima kasih.